

26/06/2002

Sentimen pasaran kembali pulih

PENGUMUMAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan kekal sebagai Perdana Menteri hingga Oktober tahun depan dijangka mampu memulihkan kembali sentimen pasaran saham tempatan.

Selepas terjejas oleh pengumuman Dr Mahathir pada Sabtu lalu beliau akan meletak jawatan, berita pengekalan beliau semalam disambut lega oleh kalangan penganalisis pasaran.

Sehubungan itu, penganalisis asing dan tempatan sependapat penurunan pasaran dijangka reda kerana keyakinan pelabur kembali pulih dan mereka akan mula mengambil pegangan.

Selain itu, mereka juga berpendapat ketidaktentuan yang kini melanda Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), akan berakhir dengan indeks pasaran kembali meningkat.

Semalam, Indeks Komposit yang menjadi angka tunjuk utama pasaran, ditutup jatuh 9.29 mata atau 1.28 peratus lebih rendah untuk ditutup pada 717.21 mata.

Ketua Pegawai Operasi RAM Consultancy Services Sdn Bhd, Dr Yeah Kim Leng, berkata pasaran memang jatuh, tetapi ia tidak akan begitu teruk dan mampu pulih selepas ini.

"BSKL tidak akan menjunam teruk, tetapi ia mungkin mengambil masa untuk menyerap sentimen semasa sebelum mampu stabil," katanya ketika dihubungi, semalam.

Yeah berkata, situasi yang berlaku disebabkan oleh faktor keyakinan dan sentimen serta tidak berkaitan dengan faktor asas yang kekal stabil.

Beliau berpendapat, apa pun keputusan Perdana Menteri, faktor asas dan penarafan kedaulatan negara tidak akan tergugat kerana asas ekonomi negara kini kukuh dan terkawal.

"Negara sedang mengalami pemulihan, keadaan pasaran adalah kondusif dan semua ini menjadi faktor yang sesuai bagi pasaran menerima sebarang hakikat," katanya.

Pakar ekonomi S&P MMS International, David Cohen, menyifatkan situasi semasa tidak membimbangkan dan tidak akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

"Dr Mahathir mungkin bersedia untuk berundur, tetapi dengan memberi tempoh yang cukup untuk berbuat demikian, ia akan meredakan ketidaktentuan," katanya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan akan wujud jurang perbezaan yang perlu dipenuhi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebaik mengambil alih tugas Dr Mahathir.

Penganalisis JP Morgan & Co, Lian Chia Liang, berkata beliau yakin pelantikan Abdullah nanti mampu mengekalkan sentimen positif di pasaran.

Ketua Pakar Ekonomi Asia ING, Tim Condon, berkata pengumuman Dr Mahathir akan terus menerajui Malaysia melegakan banyak pihak dan ketidaktentuan.

"Abdullah adalah orang yang sangat dihormati. Dalam banyak keadaan Dr Mahathir jelas sudah merancang memastikan pemindahan kepemimpinan akan berjalan lancar," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin Al-Jeffri, berkata keputusan Dr Mahathir melepaskan jawatan pada Oktober tahun depan harus dijadikan penyuntik semangat kepada usahawan Bumiputera untuk terus maju dalam perniagaan.

Katanya, semangat dan sokongan Dr Mahathir yang mahu melihat orang Melayu sebagai satu bangsa yang berjaya perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

"Walaupun kita akan kehilangan seorang pemimpin yang berwibawa namun sebagai rakyat negara ini, kita perlu meneruskan perjuangan beliau untuk memastikan Melayu mampu berdaya saing dalam pelbagai bidang," katanya.
(END)